

Artikel Penyelidikan

Saiful Apek: Pelawak Nombor 1 Negara

Shafie Bin Saleh @ Daud^{1,*}, Zul-Amirul Muhaimin Bin Mohd Zukri², Fatin Nur Zulkipli^{3,*}, dan Noor Rahmawati Alias⁴

¹ Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan ; shafiesaleh99@gmail.com

² Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; zul97721@gmail.com

³ Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; fatinnurzul@uitm.edu.my;  0000-0003-3234-9066

⁴ Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; rahmawati@uitm.edu.my;  0000-0001-5788-4343

* Correspondence: fatinnurzul@uitm.edu.my; +0124515040

Abstrak: Artikel ini berasaskan sumber daripada kajian penulis terhadap tokoh sejarah lisan yang telah dijalankan bersama Encik Muhammad Saiful Azam Mohamed Yusoff atau lebih dikenali sebagai Saiful Apek. Beliau merupakan seorang pelawak, pelakon dan penyanyi terkenal tanah air dari tahun 1994 sehingga kini. Artikel ini menyingkap tentang pengalaman beliau sepanjang menjadi pelawak, pelakon dan juga penyanyi sehingga mendapat gelaran pelawak nombor satu negara. Selain itu, artikel ini merangkumi kisah latar belakang kehidupannya seperti latar belakang pendidikan sekolah rendah dan menengah. Artikel ini juga menceritakan tentang kehidupan beliau pada masa sekarang sebagai artis yang popular. Beliau sangat berpengalaman di dalam bidang lakonan komedi dan juga nyanyian kerana telah terlibat dalam bidang lakonan dan nyanyian ini selama tiga puluh tahun. Pengalaman beliau serta sumbangannya terhadap dunia seni tanah air amatlah berharga dan diharap dapat membantu semua orang supaya lebih mengenali bidang lakonan komedi dan nyanyian pada masa akan datang kerana sumber lisan ini adalah merupakan rujukan primer. Maklumat asas berkaitan tokoh ini telah didokumentasikan menggunakan teknik sejarah lisan.

Kata kunci: Saiful Apek, pelakon, pelawak, penyanyi, Malaysia

DOI: 10.64382/dh0png62



Copyright: © 2025 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. PENGENALAN

Kajian ini berkisar tentang sejarah ringkas kehidupan peribadi, pengalaman serta pencapaian seorang anak seni, pelawak lagenda tanah air yang juga merupakan seorang pelakon, pengacara, penyanyi dan penghibur terkenal di Malaysia. Tokoh yang dimaksudkan ini ialah Muhammad Saiful Azam Mohamed Yusoff yang lebih dikenali oleh para peminat seni tanah air sebagai Saiful Apek dan gelaran ini sinonim dengan filem lawak komedi tanah air. Kajian ini dibuat menggunakan kaedah sejarah lisan sebagai salah satu teknik pengumpulan maklumat yang diketahui oleh para pengkaji bagi mendapatkan maklumat daripada sumber yang sahih dan tepat. Kajian sejarah lisan merupakan satu kaedah yang boleh digunakan untuk mengkaji dan merekodkan semula segala maklumat yang diperolehi sebagai sumber rujukan kepada para pengkaji pada masa hadapan kerana ia merupakan pengumpulan fakta - fakta dari peristiwa yang dialami oleh seseorang.

Kamus Dewan Edisi Keempat (2017) mendefinisikan seni sebagai halus (kecil, elok), tipis dan halus. Seni juga diertikan sebagai karya seperti sajak, lukisan, muzik, dan lain-lain yang dicipta dengan bakat hasil daripada sesuatu ciptaan. Kesenian pula diertikan sebagai perihal seni yang berkaitan

dengan seni, keindahan atau kehalusan. Di Malaysia, Indonesia, dan Thailand terdapat satu istilah kesenian yang dikongsi bersama tetapi membawa maksud yang berbeza. Istilah itu ialah 'lakon'. Di Malaysia dan Indonesia 'lakon' membawa maksud cerita yang dipentaskan. Di Thailand pula istilah yang sama membawa maksud tarian. Secara amnya, dalam kebudayaan masyarakat rantau Asia Tenggara terdapat serangkaian bentuk seni yang melibatkan gerak geri atau perlakuan manusia yang ditonton oleh manusia lain.

Manakala istilah komedi menurut During (2008) merujuk kepada suatu pertunjukan sandiwara atau lakonan yang perbuatannya berpura-pura atau perlakuan yang dibuat-buat bertujuan untuk menghiburkan penonton. Berasal daripada perkataan Greek yang bermaksud "festive song" iaitu lagu festival, ia lebih merujuk kepada perayaan tarian, sosial atau perkahwinan. Tetapi, pada masa sekarang, genre komedi merujuk lebih kepada aksi dramatik yang berunsurkan ketawa. Bentuk komedi membentuk situasi yang pelik, bahasa, aksi dan karektor pelakon. Ia memperlihatkan keadaan kehidupan yang riang ataupun cara melepaskan ketidakpuasan kehidupan dan bergerak sebagai suatu *escapism* untuk orang ramai.

Filem komedi adalah antara filem paling awal dibuat dan dahulunya filem komedi lebih tertumpu kepada komedi berbentuk fizikal. Komedi profesional dikatakan popular dari negara barat seperti Itali dan England (Samsuddin, 2007) dan kemudiannya, setelah teknologi bunyi diperkenalkan, filem komedi berkembang kepada filem komedi bahasa atau verbal. Antara elemen komedi dalam filem adalah slapstick, mengajuk, mimik dan bahasa pergerakan badan, perwatakan jenaka dan sifat surrealisma. Komedi biasanya mempunyai dua format iaitu komedi secara jenaka atau bersketsa dan komedi situasi iaitu penceritaan yang berbentuk penceritaan naratif. Kedua-dua format komedi ini boleh disatukan bersama dalam filem untuk membentuk genre filem komedi seperti komedi-muzikal, komedi-seram, komedi-romantik dan komedi-remaja.

Kajian ini mengupas kisah hidup Saiful Apek sebagai seorang penggerak seni di Malaysia yang dikenali dengan aksinya yang hebat dalam bidang lawak jenaka dan drama komedi. Beliau merupakan ikon lawak jenaka Malaysia bersama para penghibur tanah air yang telah mencipta nama sejak tiga puluh tahun yang lalu. Sorotan ringkas perjalanan kerjaya anak seni ini dipersembahkan dalam penulisan kajian ini bagi memberikan gambaran kehidupan beliau yang juga mencipta nama dalam pelbagai aktiviti seni tanah air sehingga kini.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Berdasarkan tinjauan umum yang dibuat oleh pengkaji, terdapat kekurangan maklumat yang berkaitan dengan latar belakang kehidupan dan kerjaya seni artis veteran negara iaitu Saiful Apek. Pengkaji mendapati bahawa maklumat yang ada di internet tidak mencukupi untuk menceritakan secara terperinci berkenaan latar belakang, pengalaman dan sumbangan tokoh ini secara eksklusif. Selain daripada itu juga, sumber-sumber yang sedia ada di internet juga dikhuatiri tidak dapat memberikan informasi yang tepat mengenai Saiful Apek kerana bukan semua maklumat mengenai beliau adalah diambil secara langsung daripada artis tersohor ini sendiri. Maklumat yang diambil daripada sumber sekunder boleh diterjemahkan secara tidak tepat atau berisiko menimbulkan salah faham yang boleh memburukkan nama artis tersebut.

Justeru itu, pengkaji telah melaksanakan kajian ketokohan artis veteran tentang pelawak nombor satu negara ini secara mendalam bagi mendapatkan maklumat yang sahih tentang kehidupan peribadi, pengalaman serta sumbangan beliau dalam bidang seni tanah air. Pengkaji telah menemui artis veteran tanah air iaitu Encik Muhammad Saiful Azam Mohamed Yusoff yang lebih dikenali sebagai Saiful Apek. Beliau merupakan antara ikon lawak jenaka negara di samping terkenal

sebagai artis komedi dan filem dan juga sebagai penyanyi yang telah mencipta nama dan masih mengekalkan nama dalam bidang lakonan dan nyanyian di Malaysia.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Berikut adalah objektif pengkaji dalam mengenal pasti tokoh atau artis veteran Encik Muhammad Saiful Azam Mohamed Yusoff atau lebih dikenali sebagai Saiful Apek.

1. Mengkaji latar belakang tokoh atau artis veteran Saiful Apek.
2. Mengkaji sumbangan tokoh atau artis veteran dalam bidang lakonan dan nyanyian kepada negara dan masyarakat.
3. Mengkaji pengalaman Saiful Apek sepanjang menjadi artis komedi dan penyanyi di Malaysia.

4. PERSOALAN KAJIAN

Pelbagai persoalan yang berkaitan dengan artis veteran nombor satu negara ini telah dirangka bagi mendapatkan informasi yang sesuai dengan objektif kajian. Berikut adalah di antara persoalan kajian yang telah dikemukakan:

1. Apakah kisah di sebalik nama Apek dan dari mana datangnya nama tersebut?
2. Sepanjang kerjaya Apek sebagai seorang pelakon, apakah aspek yang dititik beratkan oleh beliau untuk mencapai kejayaan dalam menghasilkan sesebuah filem/drama yang berkualiti?
3. Apakah pencapaian dan sumbangan beliau sepanjang terlibat dalam industri hiburan?

5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kajian ini akan membuka laluan dokumentasi akademik bagi menambah ilmu pengetahuan berkaitan latar belakang tokoh atau artis veteran negara yang juga merupakan pemenang anugerah bintang popular dari tahun 2003 sehingga 2008. Kajian mengenai latar belakang tokoh seniman Saiful Apek adalah kajian yang pertama dilakukan. Hasil kajian ini direkodkan agar lebih ramai yang mengetahui mengenai bidang hiburan ini secara lebih meluas. Tambahan pula, sumbangan artis veteran ini kepada kerjayanya juga perlu dihargai memandangkan beliau telah menabur bakti untuk berkhidmat sebagai penghibur di kaca televisyen di Malaysia hampir tiga dekad lamanya.

Pada waktu yang sama, kajian ini boleh dijadikan sebagai sumber bahan rujukan oleh masyarakat untuk mengetahui tentang kerjaya sebagai seorang anak seni. Kajian mengenai tokoh bernama Saiful Apek ini akan memaparkan pelbagai aktiviti anak seni dalam menaikkan bidang seni tanah air, dengan menampilkan peranan-peranan yang menarik kerana tokoh ini bukan sekadar pelawak penghibur dan pelakon komedi, bahkan beliau juga merupakan penulis skrip, penyanyi dan pengacara. Kisah hidup beliau yang mempunyai bakat yang luar biasa boleh membuka mata masyarakat tentang kepelbagaian kesenian yang boleh dipelajari dan dikembangkan di Malaysia.

Selain daripada pendedahan mengenai bakat dan pengalaman kerjaya seni beliau, sejarah hidup serta keperibadian beliau yang berlandaskan pendirian beliau yang bagus, patut dijadikan

sebagai contoh kepada para penggiat seni lain terutamanya anak seni yang baru bertapak di Malaysia. Pengkaji berpendapat sifat beliau yang mementingkan sifat ikhlas, rajin, sentiasa menambahkan ilmu pengetahuan dan sentiasa bersyukur adalah antara elemen penting yang perlu ditonjolkan agar boleh dijadikan contoh dan model kepada penggiat seni tanah air melalui dokumentasi sejarah lisan ini. Beliau merupakan permata bersinar yang telah menaikkan bidang seni di Malaysia dengan keistimewaan dan bakat tersendiri beliau.

Di samping itu, kajian ini juga menunjukkan bahawa tugas sebagai seorang pelakon dan penyanyi bukan sekadar menghibur sahaja. Malah, pelbagai tugas dan tanggungjawab yang perlu dilakukan supaya ramai yang akan mendapat manfaat dan pengajaran dengan watak-watak yang dibawa serta nasihat yang diselit dalam setiap lakonan. Tambahan pula, Saiful Apek turut berkongsi pandangan bahawa kerjaya sebagai seorang pelakon mestilah menghayati watak-watak yang dilakonan dengan penuh penghayatan supaya watak yang dibawa itu sesuai dengan keinginan pengarah. Oleh itu, kajian ini memastikan setiap maklumat yang diperoleh melalui temubual bersama beliau boleh membuka mata masyarakat bahawa kerjaya pelakon dan penyanyi juga dapat membantu masyarakat menambah ilmu tentang kehidupan di dunia. Kerajaan dan organisasi berkaitan di Malaysia juga perlu berganding bahu dalam memastikan bidang hiburan ini sentiasa dikekalkan supaya dapat menarik minat golongan muda untuk menceburi bidang lakonan.

Akhir sekali, kajian ini membolehkan seseorang itu untuk menentukan hala tuju mereka sebagai seorang pelakon. Hal ini disebabkan pengalaman kerjaya Saiful Apek dapat meningkatkan motivasi seseorang itu untuk berjaya dalam bidang lakonan dan juga nyanyian. Dengan adanya penulisan ini, penyelidik-penyelidik boleh menyelami keperibadian beliau yang telah berjasa dengan menyumbang bakat beliau dalam bidang seni hiburan ini. Oleh itu, semua pihak tidak perlu memandang rendah terhadap kerjaya sebagai artis kerana golongan ini juga banyak menyumbang kepada negara dari segi bakat dan tenaga mereka demi menghiburkan masyarakat di Malaysia dan juga luar negara.

6. TINJAUAN LITERATUR

Seorang pelakon dapat ditakrifkan sebagai individu yang bertanggungjawab menggambarkan atau mewakili sesuatu watak dalam sesebuah persembahan seni. Peranan ini boleh dizahirkan melalui pelbagai medium, sama ada dalam bentuk tradisional seperti pementasan teater bangsawan dan Mak Yong, mahupun dalam medium moden seperti filem, radio dan televisyen, yang menuntut kemahiran teknikal serta interpretasi berbeza mengikut konteks persembahan (Universiti Malaysia Sarawak, 2019). Dari perspektif seni lakonan, tafsiran pelakon terhadap sesuatu watak berkait rapat dengan peranan yang dimainkan, sama ada berdasarkan tokoh sebenar ataupun watak fiksi. Proses ini menuntut penghayatan emosi, pemahaman psikologi, serta keupayaan menghidupkan watak agar dapat menimbulkan kesan autentik kepada penonton (Ishak, 2015). Dalam tradisi teater, konsep “peranan” yang disandang oleh pelakon turut dikaitkan dengan sejarah teater klasik, di mana penggunaan skrol atau teks lakon menjadi asas kepada pembentukan identiti watak serta struktur persembahan (Nor Hashim, 2011). Walau bagaimanapun, tafsiran lakonan tidak semestinya bergantung pada teks atau watak fiksi semata-mata. Dalam seni persembahan kontemporari dan eksperimen, pelakon kadangkala menampilkan diri mereka sendiri sebagai subjek persembahan, sekali gus memperluaskan makna dan batasan peranan lakonan (Ghani, 2010).

Menjadi seorang pelakon tidak akan lepas daripada penilaian dan kritikan daripada penonton. Malah pelakon yang bagus mampu membuatkan apa sahaja pementasan menjadi menarik meskipun

terdapat kepincangan dari sudut lain. Peranan pelakon amat penting untuk memberi keyakinan kepada penonton. Menurut Suyatna Anirun (1998), tugas seorang pelakon adalah membawakan dan menghidupkan laku. Maksudnya pelakon harus menampilkan dan menunjukkan tingkah laku yang bukan daripada dirinya sendiri sehingga dipercayai oleh semua orang. Maka bagi menghidupkan perkara ini, proses latihan adalah sesuatu yang wajib harus dilalui (Universiti Malaysia Sarawak, 2019). Latihan lakonan bukan sahaja berfungsi sebagai persediaan teknikal bagi seorang pelakon, tetapi juga sebagai ruang untuk mengasah keupayaan emosi, interaksi sosial, dan penyesuaian terhadap konteks persembahan.

Kajian oleh Sun dan Okada (2023) menekankan bahawa keberkesanan lakonan bergantung kepada sejauh mana pelakon mampu membina keselarasan komunikasi dengan rakan watak melalui interaksi spontan, sebagaimana ditunjukkan dalam penggunaan Teknik Meisner. Hal ini membuktikan bahawa latihan intensif dapat meningkatkan tahap empati, pemahaman, serta kesegeraan respon pelakon terhadap situasi lakonan. Menurut Normiha (2009), latihan sangat penting untuk seseorang pelakon menjayakan watak mereka. Salah satu tujuan utama latihan ini adalah untuk melatih pelakon menjadi lebih spontan dan jujur terhadap pengucapan dialog mereka. Apabila pelakon mengucapkan dialog tanpa banyak berfikir secara teknikal bagaimana seharusnya dialog tersebut dilontarkan, dialog tersebut akan kedengaran lebih jujur dan lebih memberi impak kepada penonton. Jadi proses awal sesebuah lakonan harus dimulakan dengan latihan untuk menyediakan pelakon agar mendengar, memberi respon, dan lebih spontan serta jujur.

Selain itu, perkembangan teknologi turut membawa dimensi baharu dalam pendidikan lakonan. Camilleri (2015) menjelaskan bahawa dalam era globalisasi digital, latihan pelakon tidak lagi terbatas pada ruang studio tradisional semata-mata, tetapi boleh dijalankan secara sendiri dengan memanfaatkan teknologi dan platform atas talian. Keupayaan pelakon untuk menyesuaikan diri dengan pendekatan moden ini memperlihatkan bagaimana latihan lakonan sentiasa berkembang mengikut keperluan zaman, sekali gus mengekalkan relevansi bidang seni persembahan dalam konteks kontemporari. Hal ini turut diperkukuhkan oleh kajian Nicholson (2021) yang menekankan bahawa penggunaan media digital, termasuk kelas dalam talian, forum interaktif, serta rakaman persembahan maya, telah membuka ruang baharu untuk pelakon berlatih, bereksperimen, dan menerima maklum balas tanpa terikat pada lokasi fizikal tertentu.

Menurut Suyatna Anirun (1998) dalam bukunya *Menjadi Aktor: Pengantar kepada Seni Peran untuk Pentas dan Sinema*, terdapat beberapa perkara asas yang perlu dikuasai oleh seorang pelakon bagi membolehkan mereka membawakan watak dengan berkesan. Antara asas yang ditekankan termasuklah pemahaman terhadap tubuh badan, suara, emosi, dan daya imaginasi, kerana semua elemen ini merupakan instrumen utama seorang pelakon. Tubuh badan, misalnya, berfungsi sebagai alat komunikasi bukan lisan yang perlu dikawal dan dilatih supaya mampu mengekspresikan perasaan dan emosi watak dengan jelas. Begitu juga dengan suara, yang bukan sekadar penyampai dialog, tetapi perlu mempunyai kejelasan, intonasi, dan dinamika untuk menimbulkan kesan dramatik. Selain itu, penguasaan emosi penting untuk memastikan pelakon dapat menyelami perasaan watak dan menghidupkan naskhah secara autentik, selaras dengan pendekatan realisme yang menekankan keaslian penghayatan dalam seni lakon (Nor Hashim, 2011).

Buku tulisan Anirun turut memperincikan pelbagai bentuk latihan asas, seperti latihan pernafasan, vokal, kawalan pergerakan, improvisasi, dan latihan konsentrasi. Latihan ini bukan sahaja bertujuan meningkatkan kemahiran teknikal, tetapi juga membentuk disiplin, daya fokus, dan kesedaran tubuh pelakon terhadap ruang persembahan. Aspek kesedaran tubuh dan hubungan dengan khalayak penonton amat penting, sebagaimana dapat diperhatikan dalam seni teater

tradisional seperti Mak Yong, di mana gerak tubuh, vokal, dan interaksi pelakon dengan penonton menjadi nadi utama penceritaan (Ghani, 2010). Anirun (1998) menegaskan bahawa menjadi seorang pelakon memerlukan persediaan menyeluruh, melibatkan gabungan aspek fizikal, mental, dan emosi. Justeru, lakonan tidak hanya bergantung kepada bakat semula jadi, tetapi juga kepada kesanggupan pelakon untuk berlatih, mendalami watak, serta menguasai teknik-teknik asas yang membentuk profesionalisme dalam bidang seni persembahan.

Saiful Apek merupakan seorang pelakon kelahiran Selangor yang dikenali dengan dedikasi tinggi terhadap bidang seni, khususnya melalui amalan latihan intensif sebelum setiap pementasan atau penggambaran. Walaupun pada awalnya beliau tidak bercita-cita untuk menjadi seorang pelakon mahupun penyanyi, perjalanan kerjayanya dalam industri hiburan bermula secara kebetulan apabila beliau secara tidak sengaja didaftarkan oleh rakannya sebagai peserta dalam program uji bakat televisyen *Sinaran Pasport Kegemilangan* (UiTM, 2022). Sejak itu, beliau menzahirkan rasa syukur kerana berpeluang menceburi bidang lakonan dan nyanyian yang kemudiannya membuka ruang rezeki yang meluas serta mengangkat namanya dalam dunia hiburan tanah air. Dedikasi, kerja keras, serta kesungguhan Saiful Apek membolehkannya kekal relevan lebih tiga dekad dalam dunia hiburan Malaysia meskipun berdepan perubahan trend dan generasi penonton (Utusan Malaysia, 2021).

Kajian ini dilaksanakan untuk meneliti secara lebih mendalam sumbangan serta pengalaman Saiful Apek sebagai seorang tokoh pelakon, pelawak, dan penyanyi yang telah bergiat aktif hampir tiga dekad dalam industri seni hiburan Malaysia. Penekanan diberikan kerana didapati masih kurang kajian akademik yang mendokumentasikan peranan dan sumbangan tokoh hiburan utama negara, khususnya dalam kalangan pelakon dan penggiat seni komedi. Bidang lakonan diakui sebagai satu cabang seni yang penting kerana menuntut tahap keyakinan diri yang tinggi, khususnya ketika berhadapan dengan kamera dan khalayak penonton. Keyakinan ini secara langsung mempengaruhi mutu persembahan serta menentukan kualiti hasil akhir lakonan yang dinilai oleh masyarakat (Universiti Malaysia Sarawak, 2019). Selain berfungsi sebagai medium hiburan, lakonan juga berperanan menyampaikan mesej, nilai moral, serta pengajaran yang boleh dijadikan iktibar oleh penonton (Ishak, 2015).

7. METODOLOGI

Prosedur utama yang digunakan dalam kajian sejarah lisan ini adalah pengumpulan maklumat melalui temu bual bersama tokoh seni, iaitu Saiful Apek, seorang pelakon komedi dan penyanyi yang mempunyai pengalaman luas dalam industri hiburan tanah air sejak tahun 1994 hingga kini. Temu bual ini dijalankan bagi memperoleh maklumat berkaitan pengalaman, pandangan, serta kenangan beliau dalam bidang seni, yang kemudiannya dianalisis dan didokumentasikan untuk tujuan penyelidikan akademik.

Secara umum, sejarah lisan merupakan suatu kaedah penyelidikan yang merakam pengalaman dan memori seseorang tokoh melalui proses temu bual, sebelum disalin, ditranskripsikan, dan disemak semula untuk memastikan ketepatan maklumat. Kaedah ini bukan sahaja berfungsi sebagai sumber rujukan sejarah, tetapi juga memberi peluang kepada penyelidik untuk memahami aspek psikologi, peribadi, dan karakter individu yang ditemu bual. Menurut Rozeman (2004), kajian sejarah lisan dianggap menarik kerana penyelidik dapat bertemu dengan pelbagai pengalaman baharu, melihat sejarah dari sudut pandangan yang pelbagai, serta mengenali lebih banyak dimensi personaliti manusia. Malah, ia juga merangkumi pelbagai lapisan masyarakat termasuk tokoh politik, ahli korporat, penulis, dan penggiat seni.

Dalam konteks penyelidikan ini, kaedah pengumpulan data dilaksanakan melalui gabungan beberapa sumber iaitu temu bual, rujukan perpustakaan, serta maklumat sekunder daripada artikel dan sumber atas talian. Mohd Majid (1998) menegaskan bahawa keberkesanan sesuatu kaedah pengumpulan data bergantung pada kesesuaian dengan objektif kajian. Oleh itu, penyelidik perlu menentukan objektif dan jenis penyelidikan sebelum melaksanakan temu bual, agar data yang diperoleh relevan, sahih, dan memenuhi piawaian akademik.

Empat kaedah utama telah digunakan dalam kajian ini, iaitu (i) sumber lisan melalui wawancara, (ii) sumber bertulis seperti jurnal dan manuskrip, (iii) rakaman audio-visual, serta (iv) platform maya. Sumber lisan merupakan kaedah utama, di mana temu bual dijalankan bersama Saiful Apek menggunakan format soal jawab yang dirakam untuk tujuan transkripsi dan analisis. Nadzan (1979) menegaskan bahawa sumber lisan merupakan keterangan sejarah yang diperoleh secara verbal, lazimnya melalui wawancara, dan kemudian dirakamkan sebagai bahan dokumentasi penyelidikan. Sumber bertulis turut digunakan sebagai bahan sokongan, khususnya rekod sejarah dan dokumen akademik yang relevan dengan bidang seni lakon dan hiburan. Sumber bertulis ini penting kerana ia menawarkan perspektif yang lebih objektif untuk digandingkan dengan naratif lisan yang bersifat subjektif. Temu bual bersama tokoh telah dilaksanakan secara dalam talian melalui platform *Google Meet*. Penggunaan medium digital ini dianggap sesuai kerana ia membolehkan rakaman temu bual dijalankan secara sistematik serta menjamin kesejahteraan semua pihak.

8. HASIL KAJIAN

Hasil kajian ini dapat dibahagikan kepada empat bahagian utama iaitu latar belakang tokoh, latar belakang pendidikan tokoh, penglibatan awal tokoh dalam kerjaya seni dan pencapaian tokoh dalam bidang seni. Berikut merupakan hasil kajian yang diperolehi daripada kajian tokoh Saiful Apek:

8.1 Latar Belakang Tokoh



Gambar 1: Saiful Apek

Muhammad Saiful Azam bin Mohamed Yusoff, atau lebih dikenali dengan nama pentas Saiful Apek, dilahirkan pada 12 Mei 1969. Beliau merupakan antara tokoh seni komedi paling berpengaruh di Malaysia dan sering dirujuk sebagai pelawak legenda tanah air. Pada era kegemilangannya, beliau pernah diberi jolokan sebagai "*Pelawak No. 1 Negara*", sementara generasi pelawak masa kini menyanjung beliau dengan gelaran "*Sifu*" sebagai tanda penghormatan terhadap sumbangan dan pengaruhnya yang besar dalam bidang seni komedi. Keunikan Saiful Apek bukan sahaja terletak pada kemampuannya mencuit hati penonton, tetapi juga pada kebijaksanaan, adab, dan mesej bernilai yang terkandung dalam setiap persembahannya. Hal ini menempatkan beliau sebagai seorang pelawak intelektual yang berilmu, berwibawa, serta memiliki kredibiliti yang sukar ditandingi.

Selain dikenali sebagai pelawak, Saiful Apek turut mencipta nama sebagai pelakon, pengarah, penyanyi, pengacara, dan penghibur serba boleh. Sumbangan beliau dalam industri perfileman Malaysia amat signifikan, apabila beliau muncul sebagai antara pelakon komedi yang paling banyak membintangi filem-filem tempatan. Malah, beliau telah memecah tradisi dengan diberi kepercayaan memegang watak utama dalam banyak filem komedi, sesuatu yang jarang berlaku kepada pelawak pada era tersebut.

Perjalanan seni beliau bermula secara meluas melalui kumpulan lawak terkenal Senario, yang menjadi fenomena dalam industri hiburan Malaysia pada tahun 1990-an. Selepas beberapa tahun bersama kumpulan tersebut, Saiful Apek mengambil haluan sendiri untuk mengembangkan kerjayanya. Namun begitu, beliau kemudian kembali bersama anggota asal Senario dengan menubuhkan semula kumpulan tersebut di bawah jenama baharu Senariounion, sebagai usaha menghidupkan kembali legasi komedi yang pernah mengukir sejarah dalam hiburan tanah air.

Dengan pengalaman lebih tiga dekad dalam industri seni, Saiful Apek bukan sahaja menjadi ikon hiburan, tetapi juga tokoh budaya popular yang mencerminkan perkembangan seni komedi di Malaysia. Kejayaan beliau menunjukkan bahawa bidang komedi bukan sekadar hiburan, tetapi juga satu medium yang berupaya mendidik, mengkritik, serta membina identiti masyarakat.

8.1 *Latar Belakang Pendidikan Tokoh*

Saiful Apek memulakan pendidikan awalnya di sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, di mana beliau memperoleh pendedahan kepada bahasa dan budaya Cina. Pengalaman ini memberinya sedikit kemahiran bertutur dalam bahasa Kantonis, yang kelak menjadi salah satu elemen unik dalam persembahan komedinya. Keupayaan berinteraksi dengan kepelbagaian bahasa dan budaya sejak kecil telah membantunya membentuk daya kreativiti serta keupayaan berkomunikasi dengan khalayak yang lebih luas. Selepas itu, beliau meneruskan pengajian di Sekolah Rendah Kebangsaan Sultan Alam Shah 2, Petaling Jaya, sehingga tamat pendidikan rendah.

Bagi peringkat menengah, beliau pada awalnya menuntut di Sekolah Menengah Sultan Abdul Samad, Petaling Jaya. Kemudian, beliau berpindah ke Sekolah Tengku Ampuan Rahimah, Klang, sebuah sekolah berasrama, di mana beliau bersekolah sehingga tahun 1984. Pengalaman kehidupan berasrama memberi pendedahan kepada aspek disiplin, kebersamaan dan daya tahan diri, yang akhirnya menyumbang kepada pembentukan perwatakan beliau sebagai seorang penghibur yang berkarisma dan berdisiplin dalam kerjaya seni. Setelah menamatkan Tingkatan 3, Saiful Apek kembali ke Sekolah Menengah Sultan Abdul Samad, Petaling Jaya, untuk melengkapkan persekolahannya sehingga ke peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Kepelbagaian pengalaman pendidikan yang dilalui oleh Saiful Apek bukan sahaja membentuk keperibadiannya dari segi akademik, malah turut memberikan nilai tambah kepada kerjaya seninya. Pendedahan kepada bahasa, budaya dan kehidupan berasrama menjadikannya lebih peka terhadap persekitaran sosial, sekaligus memudahkan beliau untuk membina lawak yang dekat dengan masyarakat. Hal ini menjelaskan bagaimana latar pendidikan telah menjadi asas penting dalam pembentukan identiti dan kredibiliti beliau sebagai seorang pelawak serta penghibur tanah air.

8.3 *Penglibatan Awal Tokoh dalam Kerjaya Seni*

Penglibatan awal Saiful Apek dalam industri seni bermula apabila bakat beliau dicungkil melalui pertandingan realiti *Sinaran Pasport Kegemilangan* musim pertama pada tahun 1994 anjuran TV3. Ketika itu, beliau berusia 25 tahun dan kemunculannya dalam pertandingan tersebut menjadi titik

tolak kepada perjalanan panjangnya dalam bidang seni. Kejayaan itu membuka ruang untuk beliau menyertai kumpulan pelawak Senario, yang kemudiannya muncul sebagai salah satu sitkom paling popular di Malaysia. Sitkom *Senario* disiarkan di TV3 bermula pertengahan 1990-an sehingga tahun 2013, menjadikan ia antara program komedi tempatan paling lama bertahan dan berpengaruh dalam membentuk landskap hiburan tanah air.

Selain bergiat aktif sebagai pelawak dan pelakon, Saiful Apek turut diberi kepercayaan untuk menjadi pengacara rancangan hiburan mingguan paling popular di TV3, iaitu *Melodi*, bersama Ogy Ahmad Daud. Peranan beliau sebagai pengacara mengukuhkan lagi pengaruhnya sebagai seorang penghibur serba boleh. Dari segi pengurusan seni, beliau menubuhkan syarikat produksinya sendiri, Gitu-Gitu Productions Sdn. Bhd., sebagai platform untuk menguruskan karya dan projek hiburan. Usaha ini menunjukkan kesungguhannya bukan sahaja sebagai artis, tetapi juga sebagai usahawan seni yang berdaya saing.

Penglibatan awal beliau dalam dunia perfileman bermula dengan penampilan sebagai pelakon undangan dalam filem *Puteri Impian 2* (1998), arahan Aziz M. Osman yang turut dibintangi oleh Amy Mastura. Nama beliau terus menyerlah apabila bersama kumpulan Senario membintangi filem sulung mereka, *Senario The Movie* (1999), yang mencatat kejayaan komersial dan diterima baik penonton. Dalam filem tersebut, Saiful Apek melakonkan watak bos pesta ria, sekali gus memperlihatkan keupayaannya membawa watak pelbagai dalam genre komedi. Susulan kejayaan itu, beliau muncul dalam empat lagi filem lakonan Senario yang mengukuhkan kedudukannya sebagai salah seorang pelawak dan pelakon filem paling prolifik pada era 1990-an hingga awal 2000-an.

Kemuncak kepada pengiktirafan awal dalam kerjayanya ialah apabila beliau dinobatkan sebagai Bintang Paling Popular pada *Anugerah Bintang Popular Berita Harian 2003* (ABPBH03), menjadikan beliau antara segelintir pelawak yang berjaya meraih pengiktirafan tertinggi tersebut. Anugerah ini bukan sahaja membuktikan penerimaan penonton terhadap bakat dan karisma beliau, malah menandakan statusnya sebagai ikon hiburan negara.

8.4 Pencapaian Utama Tokoh dalam Kerjaya Seni



Gambar 2: Saiful Apek semasa Anugerah Bintang Popular Berita Harian 2003

Sebagai seorang pelawak, pelakon, dan penghibur serba boleh, Saiful Apek telah mencatat pelbagai pencapaian sepanjang kerjayanya. Saiful Apek diiktiraf sebagai antara pelawak paling berpengaruh dalam sejarah hiburan Malaysia. Beliau pernah merangkul gelaran Bintang Paling Popular dan juga Pelakon TV Lelaki Popular dalam Anugerah Bintang Popular Berita Harian (ABPBH) 2003. Beliau seterusnya mendapat anugerah Pelakon Filem Lelaki Popular dalam Anugerah Bintang

Popular Berita Harian (ABPBH) 2006. Kemuncak pengiktirafan tersebut ialah apabila beliau dinobatkan sebagai Ikon Komedi Malaysia dalam Anugerah Personaliti Industri & Usahawan Malaysia 2021. Terkini beliau bersama kumpulan Senario telah berjaya memenangi gelaran Artis Komedi Popular dalam Anugerah Bintang Popular Berita Harian (ABPBH) 2024 yang membuktikan kumpulan lawak ini masih kekal relevan dan diminati ramai.



Gambar 3: Kumpulan Senario memenangi gelaran Artis Komedi Popular ABPBH 2024

Selain dunia lawak, beliau turut membintangi pelbagai filem box-office termasuk *Senario The Movie* (1999), *Senario Lagi* (2000), dan *Cicakman* (2006). Filem *Cicakman* khususnya dianggap sebagai fenomena kerana menjadi filem adiwira tempatan pertama yang berjaya mencatat kutipan jutaan ringgit serta menarik perhatian khalayak luas. Dalam dunia hiburan, beliau turut digelar sebagai “Pelawak No. 1 Negara” pada era kegemilangannya, sementara pelawak generasi baharu pula mengangkatnya sebagai “Sifu” kerana peranan dan legasinya dalam membuka jalan kepada penghibur baharu. Pengiktirafan ini memperlihatkan bahawa Saiful Apek bukan sahaja berjaya menghiburkan masyarakat, tetapi turut membina identiti komedi tempatan yang tersendiri serta meninggalkan warisan seni yang berpengaruh merentas generasi.

9. KESIMPULAN

Saiful Apek adalah di antara tokoh pelakon komedi dari tahun 1994 sehingga kini yang mempunyai banyak pengalaman berlakon dan nyanyian. Beliau seorang yang sangat tekun dan berdedikasi tinggi terhadap kerjayanya. Beliau merupakan ikon penghibur lawak jenaka negara dan juga aktif berlakon dan sering menjadi pelakon utama dalam setiap filem yang dilakonkannya. Saiful Apek juga pernah mendapat pelbagai penganugerahan istimewa bagi menghargai usaha beliau sebagai penghibur tanah air. Jelaslah bahawa, beliau adalah seorang yang rajin bekerja serta cemerlang dalam bidang kerjayanya. Beliau berpegang teguh kepada prinsip amanah, ikhlas serta disiplin apabila tiba masa untuk bekerja. Saiful Apek telah menjadi pelakon selama hampir 30 tahun sehingga kini. Beliau menyukai kerja sebagai seniman kerana dapat memperoleh banyak ilmu tentang lakonan dan beliau merasa lebih dekat dengan masyarakat kerana setiap watak yang dibawa oleh beliau mendapat sambutan dari masyarakat.

Rujukan

Anirun, S. (2002). *Catatan budaya*. Etnoteater Publications.

Camilleri, F. (2015). Training, performance, and the future of actor education in the digital age. *Theatre, Dance and Performance Training*, 6(3), 297–310. <https://doi.org/10.1080/19443927.2015.1072320>

- Dewan Bahasa dan Pustaka (2017). Seni. Retrieved from <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=seni>
- During, O. A. F. (2008). *Mencari model filem komedi moden Malaysia* (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Sarawak).
- Ghani, R. A. (2010). Mak Yong dalam bentuk teater: Meneliti aspek pengarahan anak Raja Gondang. *Jurnal e-Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia*. <https://journalarticle.ukm.my/3012/1/7-Ghani.pdf>
- Ishak, I. (2015). Percaya dan merasai kebenaran (PdMK): Strategi kaedah lakonan dalam monodrama dan monolog. *Academia.edu*. https://www.academia.edu/83678987/Percaya_Dan_Merasai_Kebenaran_Pdmd_Strategi_Kaedah_Lakonan_Dalam_Monodrama_Dan_Monolog
- Mahmud, F.S. (2021, April 29). Saiful Apek Ikon Komedi 2021. *BH Online*. <https://www.bharian.com.my/hiburan/selebri/2021/04/811885/saiful-apek-ikon-komedi-2021>
- Nadzan, H. (1979). Suatu pandangan awal terhadap sejarah lisan dalam konteks pengkajian sejarah Malaysia. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 9, 44–58.
- Nicholson, H. (2021). *Digital performance and actor training: New approaches in the 21st century*. Routledge.
- Nor Hashim, N. S. H. (2011). Method lakon dan stail pengarahan Stanislavsky Konstantin Sergeyevich ke dalam pementasan teater realisme. *Universiti Malaya*. https://www.researchgate.net/publication/373215512_Method_Lakon_dan_Stail_Pengarahan_Stanslavsky_Konstantin_Sergeyevich_ke_dalam_pementasan_Teater_Realisme
- Sallehuddin, S.M. (2024, Oktober 11). ABPBH 36: Trofi Artis Komedi Popular bukti Senario terus relevan. *BH Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1309756/abpbh-36-trofi-artis-komedi-popular-bukti-senario-terus-relevan>
- Samsuddin, M. E. (2007). Perubahan corak kerja kreatif bangsawan: Satu kesinambungan identiti. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 18(1), 57-85.
- Sun, H., & Okada, M. (2023). Acting training and spontaneous communication: Exploring the Meisner technique in contemporary performance. *Journal of Theatre and Performance Studies*, 45(2), 112–128. <https://doi.org/10.1080/xxxxxxx>
- UiTM. (2022). *Temubual sejarah lisan mengenai pelawak, pelakon, dan penyanyi Saiful Apek*. Universiti Teknologi MARA.
- Universiti Malaysia Sarawak. (2019). *Pelaksanaan dan pendedahan teknik asas lakon*. UNIMAS Institutional Repository. <https://ir.unimas.my/id/eprint/30189/1/PELAKSANAAN%20DAN%20PENDEDAHAN%20TEKNIK%20ASAS%2024pgs.pdf>
- Utusan Malaysia. (2021, June 17). Saiful Apek masih relevan selepas tiga dekad dalam industri hiburan. *Utusan Online*.